

29/09/2000

Menangkis serangan media, agensi berita Barat

Karim Sulaiman

MEDIA dan agensi berita asing kerap mengambil pendekatan apa yang perlu diberitahu, daripada apa yang hendak diketahui dalam penyaluran berita atau laporan mereka, tanpa memikirkan sama ada berita atau laporan itu benar atau sebaliknya.

Mereka meletakkan diri mereka lebih tinggi daripada orang lain supaya khalayak percaya apa yang dilaporkan walaupun berita atau laporan itu tidak benar.

Hakikatnya media dan agensi asing angkuh dan bongkak serta menganggap mereka lebih mengetahui daripada orang lain.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempersoalkan kewibawaan media asing, menyifatkan mereka lebih suka menyebarkan perkara yang didengar tanpa mahu memahaminya terlebih dulu.

Perdana Menteri berkata, media asing berlagak seperti mengetahui segala-galanya, sedangkan perkara yang dilaporkan tidak benar.

Beliau memberi contoh, banyak laporan negatif disiarkan media asing terhadap Malaysia, terutama berkaitan langkah yang diambil kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara.

"Tiada satu akhbar asing yang memahami langkah Malaysia. Setiap kali melaporkan mengenai Malaysia, mereka memperkatakan mengenai kawalan modal dan menyatakan ia akan menghancurkan ekonomi negara.

"Mulanya mereka menyatakan ia boleh menghancurkan ekonomi Malaysia dengan serta-merta. Kini, mereka menyatakan ia akan meleburkannya untuk jangka panjang.

"Tapi, media asing langsung tidak menyebut mengapa ia boleh berlaku dan ini cukup jelas mereka sendiri tidak memahaminya.

"Hakikatnya, media asing tidak tahu apa yang dilakukan oleh Malaysia dan apa ertinya kawalan modal terpilih. Mereka tidak mahu mengetahuinya kerana takut untuk mengakui kesilapan," katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Peranan Media di Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Shah Alam, baru-baru ini.

Kewibawaan media Barat itu turut dipersoalkan oleh pengamal media massa di negara berkecuali. Pandangan mereka seiring dengan Dr Mahathir bahawa media Barat bongkak dan tidak mahu merendah diri, terutama dalam mengakui kesilapan sendiri.

Media dan agensi berita Barat melaporkan berita mengikut kehendak mereka, tanpa mengira sensitiviti mana-mana negara.

Hakikatnya mereka mempunyai agenda tersendiri dalam laporan mereka.

Presiden Pertubuhan Belia dan Pelajar Berkecuali (Nasyo), Subodh Kant Sahai, ketika memberikan pandangannya mengenai perkara ini, berkata:

"Agensi berita dan media Barat mengibaratkan penduduk negara berkecuali seperti papan catur. Mereka mahu mengatur pergerakan kita.

"Mereka tahu kita mendapat banyak sumber berita daripada mereka. Kita kena terima hakikat ini.

"Apa yang dilaporkan oleh mereka, itulah yang diterima oleh hampir semua penduduk dunia, walaupun laporan itu tidak benar."

Subodh dalam perbincangan kertas kerjanya bertajuk Peranan Media Dalam Memberi Perkhidmatan Kepada Penduduk Negara Berkecuali pada Persidangan Antarabangsa Peranan Media di Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), berkata media Barat tahu kelemahan itu dan mengambil peluang sepenuhnya, terutama dalam mempengaruhi pertumbuhan pembangunan sesebuah negara.

Katanya, media dan agensi berita Barat akan membesar-besarkan isu

negatif seperti pemberontakan, kemiskinan, kebuluran, rampasan kuasa dan jenayah di negara berkecuali kerana tahu ia akan membimbangkan pelabur ke negara terbabit.

Secara langsung ia akan menggugat pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara itu.

Agensi berita dan media Barat, katanya, tidak senang dengan pencapaian pembangunan dan ekonomi negara bukan dari sekutu mereka.

Katanya, mereka akan melakukan apa saja bagi memburuk-burukkan pencapaian baik negara berkecuali.

Barat menyedari peranan media dalam merosakkan sesebuah negara. Media tidak dinafikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara.

Pengaruh media turut dilihat dalam menaik atau menjatuhkan individu tertentu.

Media Barat menggunakan kekuatan dan pengaruhnya untuk menonjolkan seseorang yang dianggap boleh membawa agenda mereka. Orang yang tidak disukainya akan menerima liputan berita buruk. Hakikatnya agensi Barat berat sebelah terhadap orang yang disokongnya.

Subodh turut menyifatkan pendekatan agensi berita dan media Barat dalam menyalurkan berita dan laporannya sebagai pemusnah, yang lebih hebat daripada bom atom.

Contohnya, mereka memperjuangkan demokrasi, tetapi sebenarnya agensi berita dan media Barat adalah pemusnah demokrasi. Mereka menghancurkan demokrasi dengan tidak memberi liputan adil, termasuk dalam soal menaikkan taraf hidup dan ekonomi sesebuah negara.

"Media dan agensi berita Barat menggunakan kebebasan dan menyalah guna kuasa media dalam menjalankan agenda mereka.

"Ini adalah ancaman kepada negara berkecuali," katanya.

Malangnya, negara berkecuali walaupun tahu bahaya itu, tetapi terus bergantung kepada sumber berita, pandangan dan pendapat yang disogokkan oleh media dan agensi berita Barat.

Apa yang kita lihat, jumlah agensi berita dan media Barat meningkat dari semasa ke semasa dan mereka memainkan peranan aktif dalam pembangunan banyak negara.

Bagaimanapun, di negara berkecuali sendiri kita tidak mempunyai agensi media yang mampu memberikan sumber berita, pandangan dan pendapat mengenai NAM setelus dan sejujur-jujurnya.

Subodh ketika mencadangkan penubuhan agensi media NAM berkata, ia penting bagi memastikan sumber berita mengenai NAM benar dan tidak diputarbelitkan.

Katanya, anggota NAM perlu mengetahui apa sebenarnya berlaku di negara anggota lain.

Penubuhan agensi berita NAM, turut disuarakan oleh Djoussa Salma dari Madgascar. Beliau ketika membentangkan kertas kerja mengenai Media di NAM, berkata sudah tiba masanya negara berkecuali mempunyai agensi media sendiri dalam menangkis serangan media Barat.

Katanya, pengamal media di NAM belum sedia bersatu untuk menubuhkan sebuah agensi media untuk kepentingan mereka bersama.

"Kita tahu bahaya pergantungan yang keterlaluan terhadap media Barat dalam mendapatkan sumber berita.

"Kita sedar media Barat mempunyai pengaruh besar dan bertanggungjawab terhadap berlakunya perkara buruk di negara berkecuali.

"Media Barat sentiasa mencari keburukan kita.

"Mereka tidak mempunyai etika, mereka menyiarkan berita yang tidak mencerminkan keadaan sebenar kita. Mereka menyiarkan apa yang boleh merosakkan kita.

"Kita perlu berjuang untuk menangkis serangan mereka dengan menyalurkan

berita sebenarnya melalui penubuhan agensi media NAM," katanya.

Bagaimanapun, satu perkara yang perlu diberi perhatian dalam penubuhan agensi media negara berkecuali ialah sama ada negara lain, selain NAM dapat menerimanya atau tidak.

Dr Mahathir ketika memberi pandangan mengenai cadangan itu berkata:

"Kita boleh menyalurkan berita terus, tetapi masalahnya masyarakat masih tidak percaya kepada berita yang dikeluarkan oleh Negara Selatan.

"Sebaliknya, mereka terus bergantung kepada Reuters dan CNN walaupun tahu banyak beritanya yang direka-reka.

"Saya meragui sama ada negara lain akan menyiarkan berita yang disalurkan oleh Bernama (Agensi Berita Nasional Malaysia) atau agensi berita Islam."

Persoalannya adakah dengan penubuhan agensi media NAM dapat menutup mulut Barat daripada terus memburuk-burukkan negara berkecuali dengan berita tidak benar.

Adakah sumber dari agensi berita NAM akan digunakan oleh negara lain, terutama Barat?

Jika kita mahu berita itu untuk memberi gambaran sebenar kepada negara berkecuali dan tidak negara lain, mungkin tiada masalahnya. Bagaimanapun, jika hendak memberikan gambaran sebenar negara berkecuali di negara lain, mungkin menimbulkan masalah.

Negara lain, terutama Barat mempunyai sikap prejudis terhadap sumber berita daripada agensi media NAM, berbanding disalurkan oleh AP, AFP, Reuters atau CNN.

Hakikatnya media dan agensi berita Barat tidak akan membiarkan agensi media NAM menjalankan fungsinya dengan lancar.

(END)